

01 JUL 2002

Shahidan-Pekerja

KAKITANGAN AWAM PERLU FAHAMI PROSES PERALIHAN KEPIMPINAN NEGARA

KANGAR, 1 Julai (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim hari ini menggesa kakitangan awam supaya melihat proses peralihan kepimpinan negara secara positif berikutan keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatannya.

"Biar siapapun yang menerajui kepimpinan negara, kakitangan awam perlu memberi sokongan dengan melaksanakan dasar yang ditetapkan," katanya dalam ucapan perasmian Seminar Kecemerlangan Pengurusan Pihak Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam di sini.

Teks ucapannya dibacakan Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam negeri, Datuk Ishak Arshad yang mewakili Menteri Besar. Seminar sehari itu dianjurkan bersama oleh Kongres Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Shahidan juga berharap pekerja dan majikan perlu sentiasa bermusyawarah dalam menyelesaikan sesuatu masalah kerana cara itu dapat meningkatkan produktiviti mereka.

Sementara itu, CUEPACS sedang menyusun program penerangan di seluruh negara untuk memberi kefahaman kepada para anggotanya tentang hasrat kerajaan menggalakkan rakyat menguasai bahasa Inggeris.

Presidennya, Datuk N. Siva Subramaniam yang ditemui selepas seminar itu berkata, hasrat kerajaan itu perlu disokong oleh semua anggota perkhidmatan awam.

Menurutnya, penguasaan bahasa itu penting untuk membolehkan rakyat negara ini dihormati di peringkat antarabangsa.

Beliau mengakui banyak di kalangan anggota perkhidmatan awam yang tidak mampu menguasai bahasa itu hingga menyebabkan mereka sukar diketengahkan di pentas antarabangsa.

-- BERNAMA

RIS AD ROS